

**Pembudayaan Prinsip Pengurusan Islam
di Sekolah Agama Negeri dalam
Menghadapi Cabaran Globalisasi: Satu Sorotan**

Ahmad Zabidi Bin Abdul Razak Universiti Malaya

Abstract

This article discusses aspects in developing a culture of Islamic' management principles in state-owned religious schools, particularly in countering the challenges of globalization. The discussion is important in helping the religious schools to face such challenges besides aiding their efforts to stay progressive and eventually become effective educational institutions. Creating quality religious schools is crucial in facing globalization to produce students who not only excel academically but also possess the best behavior: These students who are balanced in academic and spiritual aspects are a fundamental asset to the country as they will ensure Malaysia becomes a developed nation with citizens of high integrity.

Pengenalan

Masyarakat dunia sekarang ini seolah-olah telah berada di suatu tempat yang kecil walaupun seeara realitinya negara-negara di dunia ini dipisahkan oleh sempadan geografinya tersendiri. Keadaan ini diwujudkan oleh kemajuan teknologi yang begitu cepat menyebarkan maklumat ke serata pelusuk dunia hanya dengan sekelip mata. Daripada sudut positifnya keadaan sebegini menguntungkan penduduk dunia yang dapat mengetahui apa yang berlaku dan tindakan yang perlu diambil untuk meningkatkan kualiti hidupnya. Namun jika dilihat dari sudut negatifnya pula, penyebaran maklumat yang begitu pantas tanpa sebarang tapisan mungkin akan mempengaruhi persekitaran budaya, ekonomi dan politik sesebuah negara termasuklah Malaysia.

Jika ahli masyarakat di negara ini tidak mempunyai jatidiri yang kukuh, kesan globalisasi ini akan menyebabkan mereka mudah terikut dengan budaya yang tidak sesuai dengan masyarakat setempat dan boleh menimbulkan penyelewengan. Keadaan sewnpama ini mengundang aneamam yang berterusan sekiranya penduduk negara ini terus menjadi kumpulan pengikut kehendak

globalisasi dan bukannya kumpulan pencipta dan pencetus idea-idea baru. Oleh itu masyarakat Malaysia perlu berusaha melahirkan generasi pewaris yang benar-benar mempunyai nilai intelek bertaraf dunia dan pacta masa yang sarna menjadikan nilai-nilai murni sebagai satu pegangan hidup.

Hanya dengan ilrnu sahaja generasi seumpama ini dapat dihasilkan. Setiap institusi pendidikan sarna ada di bawah Kerajaan Pusat ataupun Kerajaan Negeri perlu memikul tanggungjawab yang berat ini bersama-sama. Walaupun kedua-dua institusi ini terpaksa rnenerima cabaran tersebut, namun jika dibandingkan di antara kedua-duanya, ternyata institusi di bawah Kerajaan Persekutuan lebih ringan cabarannya kerana mendapat bantuan dan peruntukan yang agak banyak daripada Kerajaan Pusat berbanding institusi di bawah Kerajaan Negeri,

Institusi pendidikan di bawah Kerajaan Negeri biasanya dikaitkan dengan sekolah agama. Oleh yang demikian walaupun pelbagai kemajuan dan cabarancabaran terpaksa dihadapi, institusi pendidikan agama di bawah Kerajaan Negeri perlu terus berusaha untuk melahirkan intelek berintegriti.

Hasrat ini selaras dengan Falsafah Pendidikan Islam, labatan Agama Islam Selangor yang menguruskan Sekolah Agama Negeri di Selangor iaitu, "Suatu usaha berterusan ke arah membina potensi individu berilmu, berakhlak mulia dan berketrampilan berlandaskan ilmu Allah bagi rnelahirkan masyarakat muslim sejati yang maju dan mampu bersaing sepanjang zaman" (<http://pendidikan.jais.net.my/falsafah.php>).

Falsafah ini jelas menunjukkan bahawa insan yang ingin dihasilkan oleh pendidikan Sekolah Agama Negeri di Selangor adalah insan yang taat kepada Allah dan mampu bersaing di sepanjang zaman.

Apabila diperkatakan mengenai institusi pendidikan sudah tentu kita sedar bahawa maju atau mundurnya institusi tersebut sangat-sangat bergantung kepada pengurus utamanya iaitu pengetuanya. Menurut Ahmad Kilani Mohamed (2003), arnalan pengurusan eemerlang sangat penting dalam usaha meneapai matlamat sesuatu institusi. Kecemerlangan sekolah tidak mungkin dicapai tanpa pengurusan yang baik dengan menggunakan sumber yang ada secara cekap dan berhemah, Pentadbir atau pengurus sekolah rnenikul tanggungjawab yang berat untuk memastikan institusi dibawah tanggungjawabnya menuju matlamat kecemerlangan yang ditentukan.

Menurut Syed Othman Alhabshi dan Hamiza Ibrahim (1998), salah satu masalah yang menyebabkan kegagalan organisasi kecil dan besar ialah

kelemahan pengurusan. Kelemahan ini boleh berlaku dalam berbagai bentuk, tennasuklah kelemahan mengurus dengan cekap, kekurangan ilmu sains pengurusan, kerendahan akhlak dan moral, kelemahan dan ketandusan pemimpin yang berkesan, dan sebagainya. Memandangkan kepentingan pengurusan untuk menghadapi cabaran globalisasi, maka penulisan ini akan membincangkan mengenai prinsip-prinsip pengurusan Islam, permasalahan sekolah-sekolah agama negeri dan cabaran-cabaran yang bakal dihadapi oleh sekolah agama dan seterusnya strategi pembudayaan prinsip-prinsip pengurusan Islam bagi menghadapi cabaran globalisasi.

Definisi Pengurusan Islam

Tidak menjadi satu kesalahan bagi umat Islam meminjam definisi-definisi terkini berkaitan pengurusan yang terdapat di dalam buku-buku dan kajian-kajian yang berkaitan pengurusan kerana sebahagian besar definisi ini selari dengan prinsip-prinsip Islam. Namun begitu secara mendalamnya definisi pengurusan dari perspektif barat lebih terbatas kepada aspek organisasi semata-mata sedangkan definisi pengurusan di dalam Islam merangkumi motivasi keduniaan dan juga keagamaan, berorientasikan insan berbanding pengeluaran.

Buktinya kita lihat beberapa definisi yang diberikan oleh penulis barat, antaranya Anderson (1983), yang menyatakan pengurusan membawa maksud pengurus atau pekerja sesebuah organisasi bertanggungjawab mengatur atau merancang urusan organisasi dalam lingkungan polisi dan kehendak organisasi atau institusi perniagaan pekerja tersebut. Sementara itu menurut Hodgetts (1985), pengurusan adalah satu proses merangka objektif dan menyelaraskan usaha-usaha kakitangan ke arah mencapainya, Stoner (1995) pula menyatakan pengurusan ialah satu perancangan, pengelolaan, pengarahan dan kawalan terhadap usaha-usaha ahli organisasi dan penggunaan sumber organisasi yang lain dalam usaha untuk mencapai matlamat organisasi yang ditetapkan.

Daripada beberapa definisi ini jelas sekali bahawa pengurusan barat lebih menekankan aspek penggemblengan tenaga ahli organisasi untuk mencapai matlamat sesebuah organisasi sahaja,

Walaupun demikian definisi-definisi pengurusan dari barat ini tetap memenuhi prinsip-prinsip yang selari dengan kehendak Islam seperti aspek kerjasama dan pencapaian matlamat. Namun definisi ini agak terbatas aplikasinya hanya kepada memenuhi kehendak organisasi semata-mata, sedangkan definisi pengurusan dalam Islam lebih menyeluruh. Sebagai contoh, menurut Azman Che Omar (2001), pengurusan ialah satu proses melakukan kerja dan menyempurnakan kerja

10 Masalah Pendidikan Jilki 27

melalui fungsi-fungsi pengurusan secara fitrah melalui dan bersama orang lain dalam usaha untuk mencapai objektif kerja secara berkesan dan menggunakan sumber-sumber organisasi dengan cekap dalam persekitaran yang dinamik dan sentiasa berubah bagi memenuhi objektif organisasi demi mencapai *al-falah* di dunia dan di akhirat,

Mohd. Affandi Hassan (1992) telah mengemukakan konsep pengurusan dari sudut *tawhidic paradigm* yang beliau takrifkan seperti berikut:

Management and administration. from the tawhidic approach, is the fulfilment of the primordial contract (the amanah) between God and man, in which man as servant of God. and His vicegerent on earth (khalifah) performs righteous deeds tarnal salih) based on the principles of cooperation and consultation (shura). The purpose of management/administration is the building of a civilization based on tawhidic ethical values; thus management must, at the same time. ensure the abolishment of corruption, mischief, and injustice (alfasad) in order to establish 'adl (justice) both in organizations as well as in society. The ultimate objective of management is to attain al-falah (felicity). (ms.56)

Definisi-definisi ini menunjukkan konsep kerjasarna di dalam organisasi pengurusan Islam adalah untuk mencapai kejayaan di dunia dan di akhirat. Oleh itu, pengurusan Islam tidak hanya meletakkan pencapaian matlamat organisasi sebagai visi akhirnya, sebaliknya pencapaian matlamat tersebut hanyalah sebagai perantara untuk mendapat kerediaan Ilahi. Tuntutan ini sebcnarnya selaras dengan hakikat kejadian manusia itu sendiri iaitu untuk beribadat kepada Allah s.w.t. Firman Allah S.W.t di dalam surah Az-Zaariyaat ayat 56 yang bermaksud, "Tidak Akujadikanjin dan manusia melainkan supaya mereka menyembah Aku".

Ayat ini secara jelas menunjukkan bahawa manusia itu adalah hamba kepada Allah Maha Penciptanya. Sebagai hamba, manusia perlu akur dan patuh kepada semua tuntutan Penciptanya, justeru itu seluruh perlakuan seseorang itu mestilah untuk Allah s. w.t sahaja.

Begitu jugalah aktiviti pengurusan oleh seseorang pengurus mestilah menjuruskan niat, sikap dan perlakuannya kepada Allah s.w.t supaya selari denganjanji kepadaAllah S.W.t pada setiap kali mengerjakan sembahyang seperti yang terdapat di dalam surah AI-An' am ayat 162 yang bermaksud, "Katakanlah: Sesungguhnya sembahyangku, ibadatkn, hidupku dan matiku semuanya bagi Allah Tuhan sekalian Alam".

Prinsip-prinsip Pengurusan Islam

Perbincangan mengenai prinsip pengurusan Islam ini akan merujuk kepada pendapat intelek-intelek Islam yang terdahulu dan juga beberapa pendapat penulis-penulis terkini. Antara pendapat tersebut ialah Ibn Taimiyyah (2000), yang menghasilkan sebuah buku yang membicarakan prinsip pengurusan Islam yang berjudul *Al-Siyasah Al-Shar'iyah fi Islah al-ra'i wa al ra'iyah*. Menurut beliau, pengurusan Islam adalah berlandaskan kepada firman Allah yang bermaksud:

Sesungguhnya Allah menyuruh kamu supaya menyerahkan segala jenis amanah kepada yang berhak menerimanya dan apabila kamu menjalankan hukuman di antara manusia, Allah menyuruh kamu menghukum dengan adil. Sesungguhnya suruhan Allah itu memberi pengajaran yang sebaik-baiknya kepada kamu. Sesungguhnya Allah sentiasa mendengar lagi sentiasa melihat.

Wahai orang-orang yang beriman, taatlah kamu kepada Allah dan taatlah kamu kepada Rasulullah dan kepada Uli-Amr (pemimpin) dari kalangan kamu. Kemudian jika kamu berbantah-bantah (berselisihan) dalam sesuatu perkara, maka hendaklah kamu kembali kepada kitab Allah iaitu Al-Quran dan Sunnah Rasul-Nya jika kamu benar-benar beriman kepada Allah dan hari akhirat, Yang demikian adalah lebih baik bagi kamu dan lebih elok kesudahannya.

(An-Nisak: 58-59)

Ayat pertama di atas ditujukan kepada pemerintah yang menuntut mereka menunaikan amanah kepada yang berhak, dan jika mereka menghukum sesama manusia, hendaklah mereka menghukum dengan adil.

Ayat kedua pula ditujukan kepada orang yang dipimpin. Mereka hendaklah taat kepada pemimpin kecuali jika pemimpin tersebut membuat maksiat kepada Allah s.w.t. Selain itu ayat ini juga menegaskan bahawa jika mereka berselisih pendapat di dalam sesuatu perkara hendaklah dirujuk kepada kitab Allah dan Sunnah Rasul-Nya s.a.w.

Sementara itu al-Mawardi (1994) telah meletakkan asas pengurusan kepada perkara-perkara berikut:

- Mengurus atas asas agama dan atas dasar *al-haq* (kebenaran);

- Mengurus secara adil, kerana keadilan dapat menarik ketaatan manusia. Adil ini dalam berbagai bentuk, iaitu adil dalam harta; adil dalam percakapan (iaitu bercakap sesuai dengan keadaan orang yang dicakapkan); dan, adil dalam perbuatan iaitu menghukum hanya ke atas orang yang salah sahaja;
- Melantik orang yang berkelayakan;
- Menunaikan janji (sama ada janji baik atau janji untuk mengenakan hukuman); dan
- Sentiasa bersungguh mempertahankan haq dan bercakap benar,

Azman Che Omar (2001) menegaskan pengurusan Islam mesti menjadikan paradigma tauhid sebagai tunjang kepada sikap dan perlakuan pengurus dalam mengurus pekerja dan jabatannya. Menurut Mohd Affandi Hassan (1990), paradigma tauhid bermaksud satu kaedah ilmu berasaskan kewujudan Tuhan Yang Maha Esa dan Maha Berkuasa serta Maha Adil dan Maha Pengampun serta Maha Sempurna dan tiada satu pun yang menyerupai-Nya, Pencipta segala makhluk.

Ismail Raji al-Faruqi (1982) yang telah membuat kajian terperinci mengenai konsep tauhid ini mengatakan bahawa:

Al-Tauhid is that which gives Islamic civilization its identity, which binds all its constituents together and thus makes them an integral organic body which we call civilization. In binding disparate elements together; the essence of civilization in this case, al-tauhid impresses them by its own model. Obviously, no commandment in Islam would hold without al-tauhid. The whole religion itself man's obligation to serve God, to fulfill His commandments and observe His prohibitions would fall to the ground the moment al-tauhid is violated. (ms. 17-18)

Secara jelasnya konsep tauhid bertujuan untuk menjalinkan ikatan di antara manusia dengan Penciptanya (hablun Minallah) dan hubungan sesama manusia (hablun Minannas). Perhubungan manusia dengan Allah S.W.t merupakan hubungan hamba dengan khalifahNya. Pengabdian manusia kepada Allah s.w.t adalah bersifat total seperti dalam firman-Nya yang bermaksud "Tidak Aku jadikan jin dan manusia melainkan supaya mereka menyembah Aku" (Az-Zaariyaat: 56).

Secara idealnya konsep tauhid ini menunjukkan bahawa seseorang itu tidak harus tunduk atau menurut perintah ketuanya ataupun mana-mana pihak sekiranya perintah tersebut jelas berlawanan dengan prinsip-prinsip Islam. Selain itu juga manusia tidak boleh terlalu mengagungkan-agungkan inovasi-inovasi manusia berupa ciptaan teknologi, perundangan, adat-istiadat, teori-teori

dan falsafah-falsafah yang bertentangan dengan ajaran Islam kerana manusia hanyalah makhluk yang dijadikan oleh Allah S.W.t sedangkan ajaran Islam itu dari Allah s.w.t sendiri. Dalam keadaan ini sudah tentu ajaran Islam itu lebih dominan daripada inovasi-inovasi manusia.

Sementara itu konsep *Hablun minannas* pula adalah untuk menyeru manusia memperbaiki dan mempertingkatkan hubungan kerjasama antara mereka bagi kesejahteraan hidup bermasyarakat. Hubungan di antara manusia sesama manusia hendaklah berlandaskan nilai-nilai persaudaraan, toleransi, kasih sayang, persefahaman dan keadilan. Jika nilai-nilai ini diabaikan, masyarakat akan menjadi kucar-kacir, dipenuhi dengan syak wasangka, permusuhan dan perbalahan.

Osman Khalid (1996) pula menyatakan pengurusan Islam mempunyai ciri-ciri berikut:

- Pengurusan yang berkemampuan, cekap dan berakhlak;
- Pengurusan berasaskan syura;
- Pengurusan yang mementingkan keperluan jiwa, kerohanian serta kebendaan;
- Pengurusan yang mempunyai tanggungjawab rakyat dan kekuasaan yang dipatuhi; dan
- Pengurusan yang bercirikan kawalan dalaman.

Dari pendapat yang pelbagai ini penulis merumuskan prinsip-prinsip pengurusan Islam mesti berteraskan kepada lima prinsip iaitu;

- Sepanjang masa kawalan tingkahlaku berpaksikan ketuhanan;
- Pengurusan yang mewujudkan iklim ketelusan hakiki di dalam hubungan kemanusiaan;
- Penetapan *masalahah* (sesuatu yang baik) berasaskan keutamaan dan berlandaskan ketentuan syara';
- Pengoperasian pengurusan pada tahap yang *aslah* (paling sempurna); dan
- Muhasabah diri dengan penuh kejujuran.

Kelima-lima prinsip ini merangkumi setiap perkara yang telah dibincangkan di dalam prinsip-prinsip pengurusan Islam sarna ada daripada intelek Islam terdahulu mahupun penulis-penulis mengenai pengurusan Islam kini. Prinsip-prinsip inilah yang perlu dibudayakan di dalam organisasi Sekolah Agama Negeri bagi menghadapi cabaran era globalisasi.

Sebelum dibincangkan strategi pembudayaan prinsip-prinsip ini di dalam organisasi Sekolah Agama Negeri, terlebih dahulu akan dibentangkan mengenai permasalahan dan cabaran yang dihadapi oleh Sekolah Agama Negeri di era globalisasi.

Permasalahan dan Cabaran yang Dihadapi oleh Sekolah Agama Negeri di Era Globalisasi

Sebagai institusi pendidikan yang hanya bernaung di bawah kerajaan negeri, sekolah-sekolah agama negeri masih mengalami beberapa masalah berbanding dengan sekolah-sekolah di bawah Kementerian Pelajaran kerana sekolah-sekolah di bawah Kementerian Pelajaran ditadbir dan dibiayai sepenuhnya oleh Kementerian Pelajaran Malaysia.

Menurut Abdul Hamid Othman (1992), sekolah-sekolah agama di bawah tadbiran kerajaan negeri ataupun Majlis Agama Islam, walaupun sejak kebelakangan ini terdapat sedikit perubahan dan kemajuan dari segi sistem pentadbiran dan pelajarannya, masih menghadapi banyak kelemahan yang perlu diatasi segera. Pelbagai aspek termasuk kecekapan dan kelicinan pentadbiran, kewangan, kelayakan guru, sukatan pelajaran, nilai pencapaian sekolah dan murid, pengambilan pelajar dan masa depan pelajar perlu diberi perhatian serius.

Sementara itu menurut Dziauddin Abdul Rahman (1999), sekolah-sekolah aliran agama menghadapi kekurangan atau kelemahan meliputi aspek-aspek prasarana dan pembangunan fizikal, guru-guru yang terlatih terutamanya gurugum akademik, staf sokongan, kemudahan-kemudahan pengajaran pembelajaran terkini, sumber kewangan yang tetap dan mencukupi serta pengurusan dan pentadbiran sekolah yang profesional.

Aminah Ayob (1999) pula berpendapat sekolah-sekolah aliran agama kebanyakannya sangat daif dari segi infrastruktur. Bahan-bahan pengajaran sangat terhad, tiada perpustakaan yang baik, tiada makmal atau bilik sumber pendidikan. Kebanyakan sekolah aliran agama bergantung sumber kewangannya dari Jabatan Agama atau orang perseorangan. Semua ini telah menjejaskan kualiti pendidikan di sekolah aliran agama. Guru-guru yang mengajar hampir kesemuanya tidak mempunyai latihan perguruan dan pelajar-pelajar dari golongan sosioekonomi yang sederhana. Masalah ini dihadapi terutamanya oleh sekolah-sekolah agama rakyat, sekolah agama swasta atau mungkin juga bagi sekolah-sekolah agama di bawah kerajaan negeri. Sementara bagi sekolah agama di bawah Kementerian Pelajaran iaitu Sekolah Menengah Kebangsaan Agama dan Sekolah Menengah Agama Persekutuan, masalah ini kurang ketara.

Memandangkan terdapat kelernahan-kelemahan, maka sudah tentu Sekolah Agama Negeri memerlukan satu bentuk pengurusan yang berkesan untuk membasmi kekurangan-kekurangan tersebut. Tambahan pula, selain menghadapi masalah tersebut Sekolah Agama Negeri juga terpaksa mengharungi tuntutan era globalisasi yang dipenuhi berbagai cabaran. Contohnya kehidupan pada zaman globalisasi merangkumi peningkatan dan perubahan ketara dalam bidang teknologi maklumat dan penggunaan komputer. Perkembangan teknologi yang begitu pesat ini menuntut pihak sekolah memberi latihan, pengetahuan dan kemahiran tentang teknologi maklumat, komputer dan sebagainya kepada pelajar,

Ringkasnya sekolah-sekolah perlu melatih pelajar memperolehi pengetahuan dan kemahiran yang berorientasikan gabungan disiplin teknikal, statistik dan berasaskan komputer. Gabungan disiplin ini akan melengkapkan tenaga manusia mas a hadapan untuk mengendalikan teknologi baru dan yang akan muncul seperti teknologi pembuatan bahan-bahan terbaru, bio-teknologi, elektronik dan teknologi maklumat. Cabaran globalisasi juga memerlukan pembentukan generasi pelajar yang berbudaya saing terhadap penguasaan ilmu dan kemahiran serta aspek komunikasi yang berkesan.

Berdasarkan beberapa aspek globalisasi yang telah dibicarakan dapatlah dikatakan bahawa dunia abad ke 21 sedang menghadapi satu cabaran dan perubahan yang sangat hebat yang belum pernah berlaku di abad yang lalu. Arus globalisasi ini mencabar Sekolah Agama Negeri yang sememangnya sudah menghadapi masalah kekurangan kemudahan. Oleh yang demikian kekuatan pengurusan Sekolah Agama Negeri menjadi faktor utama yang menentukan sekolah tersebut akan berjaya memenuhi tuntutan globalisasi supaya matlamatnya dipenuhi iaitu untuk melahirkan pelajar yang dapat memberi sumbangan kepada agama, bangsa dan negara.

Strategi Pembudayaan Prinsip-prinsip Pengurusan Islam

Dari perbincangan sebelum ini, penulis telah merumuskan pengurusan Islam mesti berpaksikan kepada lima prinsip iaitu: kawalan tingkahlaku berpaksikan ketuhanan; pengurusan yang mewujudkan iklim ketelusan hakiki di dalam hubungan kemanusiaan; penetapan *masalah* (sesuatu yang baik) berasaskan keutamaan dan berlandaskan ketentuan syara'; pengoperasian pengurusan pada tahap yang *aslah* (paling sempurna); dan, muhasabah diri dengan penuhkejujuran.

Prinsip-prinsip ini wajar diberi penekanan untuk dibudayakan di dalam organisasi Sekolah Agama Negeri bagi mengatasi kelemahan dan menghadapi cabaran globalisasi.

Kelemahan-kelemahan Sekolah Agama Negeri banyak menyentuh aspek kekurangan kelayakan guru-guru, pentadbiran dan pengurusan yang kurang profesional, kemudahan prasarana yang tidak mencukupi, kemudahan bahan pengajaran dan pembelajaran yang tidak terkini, serta sumber kewangan yang agak terhad. Secara ringkasnya kelemahan-kelemahan ini merangkumi aspek guru (aspek manusia) serta peralatan dan persekitaran sekolah (aspek bukan manusia). Tambahan pula cabaran globalisasi menjuruskan penggunaan komputer yang lebih ketara dan juga memerlukan kekuatan berbudaya saing di kalangan pelajar serta keberkesanan komunikasi.

Oleh itu hanya pengurusan yang mantap dapat mengimbangi kelemahan-kelemahan dan cabaran-cabaran globalisasi ini. Menurut Ahmad Kilani (2003), pengurusan yang cemerlang sangat penting dalam menyusun institusi dan menggerakkan kakitangannya ke arah mencapai matlamat institusi. Institusi dan organisasi dengan segala sumber yang ada padanya, sama ada sumber manusia atau sumber bukan manusia, menjadi perkara penting yang perlu diberi perhatian oleh pengurus yang mentadbir institusi dan organisasi berkenaan.

Di sinilah peranan utama yang dapat dimainkan oleh pengurus-pengurus organisasi Sekolah Agama Negeri tersebut iaitu membangunkan sumber tenaga manusia bagi mengimbangi kekurangan sumber-sumber bukan manusia. Ahmad Sarji Abd. Hamid (1991) berpendapat, "Quality good or service begins with a quality man, we must build people first before product or service". Oleh yang demikian pembudayaan prinsip-prinsip pengurusan Islam secara tidak langsung dapat membantu Sekolah Agama Negeri menghadapi cabaran globalisasi.

Menurut Sufean Hussin (1996), budaya adalah mengenai cara hidup, amalan dan kepercayaan di dalam masyarakat. Oleh itu pembudayaan pengurusan Islam di sini bermaksud masyarakat ataupun pengurus serta ahli organisasi tersebut benar-benar cuba menjadikan prinsip-prinsip pengurusan Islam yang telah dibincangkan sebelum ini sebagai satu cara hidup, amalan dan kepercayaan dalam melaksanakan tugas masing-masing,

Mengenai aspek yang pertama, iaitu pada sepanjang masa kawalan tingkahlaku berpaksikan ketuhanan, ianya bermaksud pengurus organisasi cuba menerapkan konsep Ihsan kepada ahli di dalam melaksanakan tugas seharian. Pembudayaan prinsip ini memberi penekanan untuk melakukan tugas dengan penuh amanah dan jujur serta yang terbaik walaupun tanpa seliaan sesiapa kerana individu itu sedar bahawa Allah s.w.t sentiasa melihat apa jua tindakannya. Dan segi Sekolah Agama Negeri, setiap guru atau pentadbir perlu berusaha melaksanakan amanah pada tahap yang terbaik walaupun terpaksa

menghadapi kelemahan dan cabaran-cabaran tertentu, Contohnya di dalam aspek pengajaran dan pembelajaran sekiranya mereka menghadapi masalah dari aspek kemudahan bahan pengajaran pembelajaran mereka cuba dengan sedaya upaya untuk mengatasinya dengan kreativiti tersendiri, dan memikirkan jalan terbaik untuk menanganinya.

Aspek pengurusan yang mewujudkan iklim ketelusan hakiki di dalam hubungan kemanusiaan bermakna pengurus dan ahli organisasi benar-benar adil dalam setiap tindakan. Adil di sini bermaksud meletak sesuatu pada tempatnya. Pembudayaan prinsip ketelusan hakiki yang dicerminkan oleh aspek keadilan bermaksud ahli organisasi berusaha bersungguh-sungguh untuk melaksanakan tugas masing-masing dengan penuh kejujuran dan pada masa yang sarna mengelakkan daripada menyakiti hati rakan sekerja.

Selain itu pemilihan individu untuk melakukan sesuatu tugas mahupun pemilihan untuk mengikuti kursus tertentu adalah berlandaskan ukuran keadilan dan bukannya mengikut pilih kasih pengurus. Keadilan ini penting untuk menarik ketaatan yang tidak berbalah bagi oleh ahli organisasi yang mana akhirnya setiap tugas dapat dilaksanakan dengan penuh kesepakatan dan ketelusan serta memuaskan hati semua pihak sehinggakan tidak terdapat sebarang rungutan oleh ahli organisasi. Selain itu aspek keadilan juga perlu diberi perhatian sebelum sesuatu tindakan disiplin dikenakan terhadap ahli organisasi. Kesimpulannya keadilan akan menghasilkan kepuasan maksimum di kalangan ahli organisasi dan kesannya setiap tugas dilaksanakan dengan penuh tanggungjawab.

Penetapan *masalah* (sesuatu yang baik) berasaskan keutamaan dan berlandaskan ketentuan syara' bermaksud di dalam menguruskan sesebuah organisasi sudah tentu akan terdapat beberapa tindakan yang perlu diambil ataupun pengurus perlu membuat keputusan pada satu-satu keadaan. Proses membuat keputusan adalah salah satu di antara peranan terpenting ketua organisasi. Sekiranya ketua membiarkan orang lain membuat keputusan, maka organisasi tersebut tidak akan stabil dan mungkin akan mewujudkan puak-puak tertentu, Oleh yang demikian dalam apa jua keadaan sekalipun penegasan ketua untuk membuat keputusan adalah sangat penting. Namun demikian, dalam membuat keputusan, ketua tersebut perlu mengambilkira *masalah* (sesuatu yang baik) yang paling utama. Selain itu ia perlu menjadikan ketentuan syarak sebagai neraca keputusan yang diambil. Di sinilah amalan syara sangat penting dipraktikkan. Walaupun kita yakin bahawa majoriti organisasi sekolah agama mengamalkan konsep syara tetapi pembudayaan aspek ini perlu ditingkatkan dengan harapan akan menjadikan organisasi *zero defect* dari aspek ketidakpuasan hati ahli organisasi.

Pengoperasian pengurusan pada tahap yang *aslah* (paling sempurna) pula membawa erti pengurus cuba menggalakkan setiap ahli organisasi supaya melaksanakan sesuatu tugas dengan meletakkan pencapaian terbaik sebagai hasilnya dan bukannya sekadar cukup makan sahaja. Oleh yang demikian pemilihan individu untuk melakukan sesuatu tugas juga adalah yang terbaik di kalangan yang baik. Walaupun dalam serba kekurangan ahli tersebut men cuba sedaya upaya menghasilkan yang terbaik. Contohnya, tanpa peruntukan kewangan yang mencukupi sudah tentu sesebuah sekolah agak sukar untuk membeli banyak komputer yang sememangnya diperlukan di zaman globalisasi, tetapi guru tersebut cuba mencari jalan lain seperti meningkatkan kualiti pengajarannya ke tahap yang cukup untuk menampung ataupun lebih baik dari bantuan komputer. Kita perlu ingat komputer hanyalah sebagai alat bantu mengajar sahaja sedangkan guru adalah model hidup yang sebenarnya mempunyai kelebihan berbanding alai-alai tertentu,

Aspek yang terakhirnya ialah muhasabah diri dengan penuh kejujuran.

Pengurus organisasi perlu membudayakan dan mengingatkan ahli organisasi bahawa sebagai manusia biasa tidak ada yang terJepas daripada melakukan kesilapan. Tetapi yang lebih penting, seorang pekerja perlu memastikan tindakan yang dilakukan adalah yang terbaik dan tidak langsung mempunyai kecacatan. Oleh yang demikian budaya muhasabah pada setiap hari adalah antara cara untuk meningkatkan kualiti sebagai pendidik. Muhasabah ini penting untuk mencari kelemahan diri secara jujur dan melakukan penambahbaikan apabila menyedari kelemahan tersebut. Walaupun kita akui bberapa orang guru dari Sekolah Agama Negeri tidak mempunyai kelayakan akademik berkaitan bidang pendidikan, namun sekiranya beliau sentiasa bermuhasabah dan memperbaiki diri secara jujur dengan bertanya kepada orang lain yang lebih berpengalaman tidak mustahil beliau akan menjadi lebih baik daripada guru yang mempunyai kelayakan akademik tersebut.

Semua prinsip-prinsip yang dibudayakan ini hanya akan memberi kesan sekiranya individu tersebut benar-benar inginkan perubahan pada diri mereka dan menyedari bahawa hidupnya di dunia ini hanyalah untuk beribadat kepada Allah (sebagai hamba Allah s.w.t) dan juga memberi khidmat yang terbaik kepada orang lain (sebagai Khalifah Allah). Ingatlah ganjaran bagi orang Islam atas kesungguhan membantu agama Allah adalah lebih bernilai dari ganjaran di dunia ini walaupun ganjaran di akhirat tersebut masih bersifat abstrak.

Penutup dan Cadangan

Perbincangan mengenai pembudayaan pengurusan Islam di dalam organisasi Sekolah Agama Negeri menunjukkan penekanan perlu diberikan kepada peranan sumber manusia di dalamnya untuk mengimbangi kekurangan dari aspek alatnya. Kesedaran yang tinggi di kalangan intelek-intelek Muslim untuk berganding bahu sangat penting untuk membantu Sekolah Agama Negeri menjadi institusi pendidikan yang mantap biar di zaman mana sekalipun. Di sini dicadangkan beberapa perkara untuk merealisasikan hasrat mumi tersebut:

- Pusat pengajian tinggi terutama yang berteraskan pengajian Islam menjadikan Sekolah Agama Negeri sebagai sekolah angkat dan membantu meningkatkan taraf profesional sumber manusia sekolah tersebut dari aspek pembangunan diri dan juga profesion. Pihak sekolah juga boleh mengadakan satu bentuk lawatan ke organisasi dan jabatan-jabatan luar supaya warga sekolah mendapat pendedahan yang lebih luas mengenai sesuatu aspek yang berkaitan.
- Institusi pengajian tinggi awam dan swasta (IPTA/IPTS) sarna-sarna membantu Sekolah Agama Negeri untuk mewujudkan budaya mengkaji di sekolah-sekolah. Sekurang-kurangnya guru dilatih untuk melakukan kajian mengenai permasalahan yang mereka hadapi seharian. Kajian seumpama ini secara tidak langsung akan membantu guru-guru memperbaiki kelemahan yang ada tanpa perlu mengharapkan bantuan pihak lain. Hasil penyelidikan juga akan membantu meningkatkan kualiti pembangunan Sekolah Agama Negeri. Oleh itu dicadangkan guru-guru diberi pendedahan mengenai *Action Research* sebagai wadah untuk melakukan kajian-kajian yang bersesuaian.
- Apabila wujudnya budaya mengkaji, sekolah-sekolah disarankan mewujudkan budaya berkarya di kalangan guru-guru. Mungkin perolehan dari karya-karya tersebut serba sedikit dapat membantu mengurangkan masalah kewangan pihak sekolah. Selain itu budaya berkarya secara tidak langsung membantu mempromosikan sekolah-sekolah kepada masyarakat dan ini akan menarik minat masyarakat untuk lebih prihatin terhadap Sekolah Agama Negeri.
- Konsep *School-based Management* cuba diterapkan di Sekolah Agama Negeri iaitu pihak Bahagian Pendidikan, Jabatan Agama Islam Negeri memberikan lebih banyak peluang kepada setiap Sekolah Agama Negeri untuk mengurus dan membuat keputusan sendiri tanpa terlalu terikat dengan dasar, prosedur dan peraturan yang ditetapkan oleh bahagian pendidikan tersebut. Keadaan ini akan mengurangkan karenah birokrasi dan seterusnya dapat meningkatkan kecekapan sumber tenaga manusia di Sekolah Agama Negeri.

Semua cadangan ini hanya akan dapat dijalankan sekiranya pengurusan Sekolah Agama Negeri benar-benar membudayakan prinsip-prinsip pengurusan Islam yang telah dibincangkan sebelum ini kerana pembudayaan prinsip-prinsip tersebut akan menimbulkan kesedaran untuk memperbaiki keadaan walaupun dalam keadaan serba kekurangan. Diharapkan artikel ringkas ini dapat memberi sumbangan ke arah memperkasakan pengurusan organisasi Sekolah Agama Negeri dan seterusnya berjaya menghasilkan generasi pelajar berkualiti yang mampu berdaya saing di era globalisasi.

Rujukan

- Abdul Hamid Othman. (1992). Ke arah penyelarasan dan penyatuan sistem pentadbiran dan pelajaran Sekolah-sekolah Agama dan Arab di Malaysia. *Kumpulan kertas kerja 19 yang dibentangkan di Seminar Pendidikan Islam di Malaysia*. Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Ahmad Kilani Mohamed. (2003). *Pengurusan pendidikan di sekolah: Huraian menurut perspektif Islam*. Skudai, Johor: Universiti Teknologi Malaysia.
- Ahmad Sarji Abd. Hamid. (1991). Kemajuan pentadbiran awam di Malaysia: *Koleksi ucapan-ucapan dalam tahun 1991*. Kuala Lumpur: Institut Tadbiran Awam.
- Al-Faruqi, Ismail Raji. (1982). *Tauhid: Implications for thought and life*. Pennsylvania: International Institute of Islamic Thought.
- Al-Mawardi, 'Ali Ibn Muhammad. (1994). *Qawanin al-wizarat wa-siyasat al-mulk*. Al-Qahirah: Maktabat al-Khanaji.
- Arminah Ayob & Khadijah Zon. (1999). Pendidikan sekolah agama di alaf barn: Sistem dualisme atau bersepadu. *Kertas kerja persidangan kebangsaan pendidikan sekolah-sekolah agama*, Universiti Sains Malaysia.
- Anderson, R. G. (1983). *A dictionary of management terms*. Plymouth: Mac Donald and Evans.
- Azman Chc Omar. (2001). *Pengurusan di Malaysia dari perspektif Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Dziauddin Abdul Rahman. (1999). Menjana dan rmemperkasakan pendidikan sekolah agama ke arah kecernerlangan. *Kertas kerja persidangan kebangsaan pendidikan sekoiah-sekolali agama*, Universiti Sains Malaysia.
- Hodgetts, M. R. (1985). *Management*. Orlando, FL: Academic.
- Ibn Taimiyyah, (2000). *Al-siyasah al-shar'iiyahfi islah al-ra'i wa al-ra'iyyah*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Jabatan Agama Islam Selangor. (2004). Falsafah Pendidikan Islam. Selangor: Bahagian Pendidikan Islam. Dimuat turun pada Jun 28, 2004 daripada <http://pendidikan.jais.net.my/Ifalsafah.php>
- Mahmud Yunus. (1992). *Tafsir Quran Karim*. Klang: Klang Book Centre.

- Mohd Affandi Hassan. (1992). *The tawhidic approach in management and public administration: Concepts, principles and an alternative model*. Kuala Lumpur: National Institute of Public Administration (INTAN).
- Mohd. Affandi Hassan & Shafie Hj. Mohd. Salleh. (1990). *Kecemerlangan pentadbiran: Dasar dan amalan dalam Islam*. Kuala Lumpur: Institut Tadbiran Awam.
- Osman Khalid. (1996). Pengurusan di zaman Rasulullah dan Khulafa' AlRasyidin. Dalam Abd. Halim El-Muhammady (Ed.), *Pengurusan dalam Islam*. Bangi: Persatuan Bekas Mahasiswa Islam Timur Tengah.
- Stoner, l. (1995). *Management*. Englewood Cliffs, NJ: Prentice-Hall,
- Sufean Hussin. (1996). *Pendidikan di Malaysia: Sejarah, sistem dan falsafah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Syed Othman AlHabshi & Hamiza Ibrahim. (1998). *Pengurusan dan pentadbiran: Mencapai kecemerlangan melalui penghayatan nilai*. Kuala Lumpur: Institut Kemajuan Islam Malaysia.